



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

8 Jamadilakhir 1442 / 22 Januari 2021

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 8 Jamadilakhir 1442H bersamaan dengan 22 Januari 2021, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 175 orang.**
 - Kes 175 ialah seorang lelaki berumur 50 tahun telah tiba ke negara ini daripada United Kingdom melalui Kuala Lumpur, Malaysia pada 8 Januari 2021 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI874. Beliau hanya mengalami sakit tekak pada 20 Januari 2021 sahaja dan pada masa ini, tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan. Beliau sekarang sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes ini mendapati beliau tidak

mempunyai sebarang kontak terdekat memandangkan beliau telah dikurantin sebaik sahaja tiba di negara ini.

2. Dengan pengesanan kes baru ini, terdapat 3 kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan di mana kesemuanya adalah dalam keadaan yang baik.
3. Dengan pengesanan kes-kes baru ini juga, sebanyak 34 kes import telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 yang mana dengan ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 261 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.
4. Pada hari ini, seramai **551** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **11,739** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **385** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **88,913** ujian.

6. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing semasa pandemik ini. Selain itu, orang ramai adalah juga disarankan untuk sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan penduduk Negara Brunei Darussalam dengan memastikan mereka tidak melanggar peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini, termasuk tidak menyeberangi sempadan ke negara jiran melalui jalan-jalan tikus ataupun jalan-jalan penyeludupan. Sehubungan dengan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai perjalanan atau aktiviti di sempadan melalui jalan-jalan yang disebutkan di atas hendaklah memaklumkan kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dengan segera.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu

www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat
Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 08 Jamadilakhir 1442H / 22 Januari 2021